

04/11/2000

Menentukan haluan negara bukan mudah

TOLERANSI antara kaum jelas terserlah dengan terhasilnya laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) kelmarin. Laporan setebal 788 muka itu yang dinamakan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) bagi pembangunan negara untuk tempoh 2001 hingga 2010 itu mencakupi kepentingan semua bangsa. Di sebalik cadangan memperhebatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi, kaum lain juga tidak diketepikan. Inilah yang dinamakan pemuafakatan yang dapat terus menjamin keharmonian dan kemakmuran negara berkekalan.

Keanggotaan Mapen II di kalangan golongan profesional, politik dan aktivis masyarakat sudah melaksanakan tanggungjawab mereka. Meskipun dikhabarkan sesi perbincangannya begitu hangat, meluap dan mendidih serta menjadi perbincangan hangat di luar, mereka masih boleh duduk bersama untuk berbincang secara rasional. Kita akur bahawa perbincangan dalam menentukan haluan negara bagi tempoh satu dekad akan datang bukan perkara mudah. Akan ada banyak percanggahan pendapat dan hujah berlawanan tetapi kesudahannya sama-sama dapat mencari titik pertemuan.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, pembangunan negara yang tidak seimbang memerlukan ada pihak yang berkorban manakala pihak lain mendapat bahagian yang lebih. Kita percaya matlamatnya tetap kepada menjamin kestabilan negara yang akan memberi manfaat kepada semua.

(END)